



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 6/2024 (PINDAAN NO.1)

PENGECCUALIAN DARIPADA MEMBAYAR DAN MENGENAKAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN ATAU PEMBAIKAN BAGI AKTIVITI *MAINTENANCE, REPAIR AND OVERHAUL (MRO)*

1. Menteri Kewangan melalui kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 34(3)(a) dan 34 (4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bersetuju memberi pengecualian daripada membayar dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan bagi aktiviti *Maintenance, Repair And Overhaul (MRO)*.
2. Bagi tujuan pengecualian ini, aktiviti MRO merujuk kepada apa-apa aktiviti penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di bawah *Malaysian Aerospace Industry Blueprint 2030* bagi sektor aeroangkasa dan *Guideline and Procedures for Shipbuilding and Ship Repairing (SBSR) Incentive* bagi sektor maritim.
3. Penerima perkhidmatan bagi aktiviti-aktiviti MRO yang dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan aktiviti MRO yang diterima daripada penyedia perkhidmatan yang dinyatakan di perenggan 4 adalah seperti berikut:
 - (a) Syarikat penerbangan yang memperoleh *Air Operator Certificate (AOC)* yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM);
 - (b) Syarikat memiliki kapal yang berdaftar dengan Jabatan Laut Malaysia;
 - (c) Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan sebagainya; atau
 - (d) Syarikat penerbangan/perkapalan luar negara yang menerima perkhidmatan MRO di Malaysia.
4. Penyedia perkhidmatan bagi aktiviti-aktiviti MRO diberi pengecualian daripada mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan aktiviti MRO yang dibekalkan kepada penerima perkhidmatan aktiviti MRO seperti di para 3(a) hingga (d) di atas adalah seperti berikut :
 - (a) *Approved Maintenance Organisation (AMO)* yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM); atau
 - (b) Syarikat *shipbuilding* atau *ship repairing* yang diluluskan oleh Kementerian Pelaburan Perdagangan dan Industri (MITI) / Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

5. Bagi syarikat penerbangan/perkapalan luar negara yang menerima perkhidmatan MRO di Malaysia, apa-apa peralatan atau komponen diimport dari luar negara dan terlibat dengan aktiviti MRO yang dijalankan di Malaysia perlu dieksport semula dari Malaysia adalah tertakluk kepada syarat – syarat ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
6. Apa-apa cukai perkhidmatan yang telah dikutip perlu diremit kepada JKDM dan tiada bayaran balik (refund) cukai perkhidmatan diluluskan kepada mana-mana pihak yang telah membayar cukai perkhidmatan ke atas apa-apa perkhidmatan aktiviti MRO yang dibekalkan mulai 1 Mac 2024.
7. Tarikh pengecualian ini **berkuatkuasa mulai 1 Mac 2024 sehingga 31 Disember 2027**
8. Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 6/2024 (Pindaan No.1) bertarikh 29 November 2024 ini **menggantikan** Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 6/2024 bertarikh 30 April 2024. Mohon rujuk kepada ringkasan pindaan di **LAMPIRAN A**.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA

**RINGKASAN PINDAAN
DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 6/2024**

Pindaan No. 1 – 29 November 2024

Perenggan	Keterangan
2	Pindaan editorial bagi membaiki ayat untuk menjelaskan lagi maksud dengan menggantikan perkataan “insentif Shipbuilding and Ship Repairing (SBSR)” dengan perkataan “ <i>Guideline and Procedures for Shipbuilding and Ship Repairing (SBSR) Incentive</i> ”.
3	Pindaan editorial bagi menyusun semula struktur ayat untuk menjelaskan lagi maksud.
3(b)	Pindaan editorial bagi membaiki ayat untuk menjelaskan lagi maksud dengan mengeluarkan perkataan “perkapalan” dan memasukkan perkataan “memiliki kapal” sebelum berdaftar.
3(c)	Pindaan editorial bagi membaiki ayat untuk menjelaskan lagi maksud dengan memasukkan perkataan “dan sebagainya” selepas “Jabatan Bomba dan Penyelamat”.
3(d)	Pindaan editorial bagi membaiki ayat untuk menjelaskan lagi maksud dengan mengubah ayat asal kepada “Syarikat penerbangan/perkapalan luar negara yang menerima perkhidmatan MRO di Malaysia,”.
4(b)	Pindaan editorial bagi membaiki ayat untuk menjelaskan lagi maksud dengan memasukkan perkataan “Kementerian Pelaburan Perdagangan dan Industri (MITI) /” sebelum perkataan “Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)”.
5	Pindaan editorial bagi membaiki dan menggantikan keseluruhan ayat di dalam perenggan bagi menjelaskan lagi maksud dengan “Bagi syarikat penerbangan/perkapalan luar negara yang menerima perkhidmatan MRO di Malaysia, apa-apa peralatan atau komponen diimport dari luar negara dan terlibat dengan aktiviti MRO yang dijalankan di Malaysia perlu dieksport semula dari Malaysia adalah tertakluk kepada syarat – syarat ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).”

Perenggan	Keterangan
8	Menambah perenggan baru.